

## **ELEMEN-ELEMEN TARBIAH MELALUI HADIS NABAWI BERASASKAN MAQASID SUNNAH**

**Mohd Norzi bin Nasir**  
[mohdnorzi@kuis.edu.my](mailto:mohdnorzi@kuis.edu.my)

**Mohd Farid Ravi bin Abdullah**  
[faridravi@kuis.edu.my](mailto:faridravi@kuis.edu.my)

Jabatan al-Quran & al-Sunnah,  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

### **ABSTRAK**

*Keistimewaan sunnah Rasulullah terserlah melalui dua dimensi iaitu ilahi dan insani. Agar sunnah tetap relevan seiring zaman dan sesuai diaplikasikan sebagai masalah kepada ummah, maka pemahaman hadis berasaskan maqasid sunnah amat diperlukan. Interaksi terhadap sunnah berasaskan maqasid merupakan suatu pendekatan ilmu yang mengutamakan masalah ummah tanpa mengabaikan autentik sunnah atau nas-nas hadis. Metode ini jelas diaplikasikan oleh salafussaleh terdahulu yang sentiasa berusaha untuk memahami dan menerapkan hukum dengan bersandarkan kepada maqasid yang sebenar. Konsep interaksi berasaskan maqasid terhadap hadis sama ada dari aspek pemahaman atau aplikasi 'perlu menepati mabadi' atau asas-asas dalam berinteraksi dengan sunnah. Kertas kerja ini membawakan perbincangan beberapa contoh hadis sebagai sampel agar maqasid sunnah berkaitan elemen-elemen tarbiah dapat diketahui dan difahami melalui himpunan pandangan ilmuwan hadis klasik dan kontemporari. Kajian ini merupakan kajian kepustakaan berdasarkan analisa matan serta pemahaman hadis melalui beberapa contoh hadis terpilih. Dapatan kajian menunjukkan bahawa interaksi terhadap sunnah berasaskan maqasid adalah suatu pendekatan ilmu yang mengintegrasikan antara pembacaan nas syariat dan pengamatan realiti. Selain itu kefahaman yang sahih terhadap maksud hadis berasaskan maqasid dapat mengelakkan seseorang dari batasan terjemahan secara literal (harfiah) dan terpengaruh dengan fahaman liberal serta pandangan aktivis feminisme yang jauh tersasar dari maksud hadis yang sebenar.*

**Kata Kunci:** Maqasid, Sunnah, Elemen, Tarbiah, Hadis.

### **PENDAHULUAN**

Objektif utama maqasid adalah untuk merealisasikan kebahagiaan hidup manusia di dunia dan di akhirat. Menurut ijmak ulama, maqasid kebanyakannya menyentuh perihal duniawi yang menumpukan kepada lima aspek iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Menerusi hadis-hadis elemen-elemen tarbiah yang menepati maqasid syariah dapat di istinbat kerana untaian sabda baginda merupakan wahyu *ghayr al-matlu* yang juga merupakan sumber rujukan utama umat Islam.

Mutakhir ini permasalahan yang kontroversi adalah pemahaman yang sahih terhadap sunnah terutama pemahaman teks secara literal terhadap hadis tanpa melihat aspek suasana yang melingkungi atau realiti. Maqasid adalah merupakan antara wasilah terpenting dalam syariat Islam dalam memahami ayat al-Quran berinteraksi dengan hadis nabi seterusnya berdepan dengan realiti kehidupan semasa yang bercampur antara masalah dan mafsadah.

## DEFINISI MAQASID SYARIAH

Menurut Bahasa maqasid adalah merupakan kata jamak daripada *maqsad* dan *maqsid* (المقصد) dari perkataan *qasada* (قصد) dalam bahasa Arab yang bermaksud menuju ke suatu arah. Manakala syariat bermaksud tempat terbit air yang menjadi sumber minuman, jalan, apa yang disyariatkan Allah dari aspek akidah dan hukum, agama dan pandangan mazhab yang jelas dan lurus.

Menurut istilah syarak, pelbagai definisi telah dikemukakan oleh para ulama.

Ibn 'Asyur (t.t :415) mendefinisikan maqasid syariah sebagai:

المعاني والحكم الملحوظة للشارع في جميع أحوال التشريع أو معظمها، بحيث لا تختص ملاحظتها بالكون في نوع خاص من أحكام الشريعة .

Maksudnya:

Makna-makna dan hikmah-hikmah yang diambil perhatian oleh Syarak dalam keseluruhan atau sebahagian besar situasi penurunan syariat yang tidak mengkhusus kepada mana-mana hukum Syarak yang tertentu.

Manakala Syeikh 'Allal al-Fasi (t.t :3) pula mentakrifkannya sebagai:

الغاية منها (أي الشريعة)، والأسرار التي وضعها الشارع عند كل حكم من أحكامها

Maksudnya: Tujuan-tujuan syariat serta rahsia-rahsianya yang telah ditetapkan oleh Allah SWT pada setiap hukum-hakam.

Ahmad al-Raysuni (1992:7) pula berpandangan Maqasid Syariah merupakan:

الغايات التي وضعت الشريعة لأجل تحقيقها لمصلحة العباد

Maksudnya: Tujuan-tujuan yang telah ditetapkan oleh syari'at bagi merealisasikan kemaslahatan manusia.

Kesimpulannya, takrif Maqasid Syari'ah berdasarkan ketiga-tiga takrif di atas secara umumnya boleh disimpulkan sebagai:

Tujuan, makna dan hikmah yang telah ditetapkan oleh Syari'at Islam dalam hukum-hakam yang disyariatkan serta rahsia disebaliknya bertujuan untuk merealisasikan kemaslahatan manusia.

## HADIS PERTAMA: KEBANYAKAN PENGHUNI NERAKA ADALAH WANITA

Al-Imam al-Bukhari telah mengeluarkan sebuah hadis dalam kitab sahihnya dengan *sanad* dan *matan* sebagaimana berikut:

حَدَّثَنَا أَبُو الْوَلِيدِ حَدَّثَنَا سَلْمُ بْنُ زَرْبٍ حَدَّثَنَا أَبُو رَجَاءٍ عَنْ عِمْرَانَ بْنِ حُصَيْنٍ عَنِ النَّبِيِّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَالَ « أَطْلَعْتُ فِي الْجَنَّةِ فَرَأَيْتُ أَكْثَرَ أَهْلِهَا الْفُقَرَاءَ ، وَأَطْلَعْتُ فِي النَّارِ فَرَأَيْتُ أَكْثَرَ أَهْلِهَا النِّسَاءَ »

Maksudnya: Telah berkata kepada kami Abu al-Walid, telah berkata kepada kami Salm bin Zarir, Abu Raja' telah berkata kepada kami daripada 'Imran bin Husayn daripada Rasulullah s.a.w bersabda, "Aku melihat syurga maka aku melihat kebanyakan

penghuninya adalah golongan fakir, kemudian aku melihat neraka, maka aku lihat kebanyakan penghuninya adalah kaum wanita.

### **Takhrij Hadis**

al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab *bad' al-khalq*, Bab *ma ja'a fi sifat al-jannah*, hadis 3069, jil. 3 hlm. 1184. Kitab *al-nikah*, Bab *kufuran al-<sup>c</sup>ashir wahuwa al-zawj*, hadis 4902, jil. 5 hlm. 1995, Kitab *al-riqa'*, Bab *fadl al-faqr*, hadis 6084, jil. 5, hlm. 2369, Bab *sifat al-jannah wa al-nar*, hadis 6180, jil. 5 hlm. 2397.

### **Analisa Hadis**

Hadis 'Imran bin Husayn seandainya dilihat dari makna zahir (literal) sudah pasti akan menimbulkan kemusykilan-kemusykilan tertentu. Antaranya apakah Islam memandang kemiskinan itu sebagai satu kelebihan dan kekayaan sebagai satu penghalang yang boleh menjauhkan seseorang itu dari syurga? Atau apakah agama Islam memandang rendah kepada kaum wanita sehingga kebanyakan mereka menjadi penghuni neraka?

Menurut Dawud Rashid (2006:147) jika seseorang memahami hadis di atas dengan paradigma barat maka dia akan terjebak dalam kesilapan memahaminya. Pemahaman terhadap sebuah hadis akan terlaksana melalui pengamatan terhadap hadis-hadis yang mengandungi pengertian yang serupa.

Ibn Hajar (2001: 279) dalam menerangkan maksud hadis Rasulullah s.a.w di atas, berpendapat bahawa golongan "orang-orang yang miskin" sebagai penghuni syurga ialah orang-orang miskin yang saleh dan bertaqwa dan bukan semata-mata orang miskin, kerana orang-orang miskin yang tidak saleh tidak mendapat sebarang kelebihan. Kemiskinan semata-mata turut merupakan satu bala yang boleh membawa seseorang kepada kekufuran dan kejahatan. Apabila tekanan kemiskinan itu tidak dapat dihadapi dengan penuh kesabaran oleh seseorang ia mungkin mengakibatkan manusia berkecil hati dan bersikap membantah terhadap Allah s.w.t. Situasi ini bukan sahaja menjerumuskannya ke dalam kekufuran, malah lahir dalam hatinya perasaan hasad dengki dan dendam kesumat terhadap manusia sekelilingnya yang lebih bernasib baik darinya. Akibatnya dia mungkin terlibat dalam perlakuan-perlakuan jenayah dan kekejaman-kekejaman untuk melepaskan perasaan dendam yang melodak sekian lama.

### **Elemen Tarbiah Berasaskan Maqasid**

Sifat kehidupan seseorang muslim yang digariskan Allah s.w.t adalah penuh dengan kegiatan-kegiatan amalan ibadat dan kebajikan yang memerlukan kepada kewangan yang banyak seperti zakat, ibadat haji, berjihad menegakkan agama Allah, menolong fakir miskin, kaum kerabat, jiran tetangga, menanggung nafkah isteri dan anak pinak, mengadakan kenduri akikah, melakukan penyembelihan pada hari raya *'eid al-adha*, menghulurkan derma, dan amal ibadah kebajikan yang bertunjangan kepada kewangan.

Kandungan al-Qur'an dan al-Sunnah penuh dengan anjuran-anjuran agar setiap orang muslim yang berkemampuan atau berada supaya menginfak atau membelanjakan harta mereka ke jalan kebajikan. Inilah perlaburan hakiki masa depan demi mengecapi keuntungan abadi yang disediakan Allah s.w.t. pada hari akhirat kelak.

Firman Allah s.w.t dalam surah al-Hujurat ayat 15:

Maksudnya:

Sesungguhnya orang-orang yang sebenar-benarnya beriman hanyalah orang-orang yang percaya kepada Allah s.w.t dan RasulNya, kemudian mereka (terus percaya dengan) tidak ragu-ragu lagi, serta mereka berjuang dengan harta benda dan jiwa mereka pada jalan Allah; mereka itulah orang-orang yang benar (pengakuan imannya).

Kebanyakan orang-orang kaya ramai dihumban ke dalam neraka bukanlah kerana kekayaan, tetapi disebabkan penyelewengan dan kefasikan hidup mereka. Merekalah saudagar-saudagar yang memperniagakan segala macam maksiat, perintis-perintis hiburan, permainan dan pertunjukkan yang haram dan pendorong serta penggalak di belakang kefasikan-kefasikan masyarakat. Kebanyakan mereka telah menyalahgunakan kekayaan yang dianugerahkan dalam kegiatan-kegiatan maksiat yang dilaknat oleh Allah. Akibat telah ditimpa oleh penyakit-penyakit kekayaan iaitu tamak haloba, penting diri, bakhil, takbur, lupa daratan, menindas kaum miskin, tidak memperdulikan halal haram dan meninggalkan infak di jalan Allah. Perlakuan mereka jauh tersasar dari perintah Allah s.w.t.

Firman Allah s.w.t:

Maksudnya:

Dan belanjakanlah (Apa yang ada pada kamu) kerana (menegakkan) agama Allah, dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan (dengan bersikap bakhil); dan baikilah (dengan sebaik-baiknya segala usaha dan) perbuatan kamu; kerana Sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya.

Menyentuh pemahaman *matn* kebanyakan penghuni neraka ialah golongan wanita berbanding golongan miskin, *matn* hadis di atas tidak bertujuan menggambarkan imej buruk kaum wanita. Hadis di atas termasuk dalam bab *al-tarhib wa al-tarhib*, iaitu memberi anjuran dan ancaman terhadap sesuatu perkara. Rasulullah s.a.w memberi peringatan bahawa neraka berkemungkinan akan dipenuhi dengan wanita disebabkan hal-hal tertentu. Peringatan Rasulullah s.a.w jika tidak dijauhkan akan menyebabkan diri seseorang itu diazab di dalam neraka.

Al-Shaykh Muhammad bin Salih al-<sup>o</sup>Uthaymin (2005: 120) turut menjelaskan bahawa penyebab utama kalangan wanita ramai menjadi penghuni neraka adalah kerana mereka banyak mencela, melaknat, menghina dan mengingkari suami.

Riwayat lain yang menegaskan maksud hadis <sup>o</sup>Imran di atas antaranya adalah riwayat Jabir bin <sup>o</sup>Abdullah. Hal ini sebagaimana yang dinyatakan oleh al-Hafiz Ibn Hajar (2003:152) katanya, "...terdapat bukti dalam hadis Jabir yang menunjukkan bahawa perempuan yang dilihat di neraka adalah perempuan-perempuan yang memiliki sifat-sifat tercela seperti yang telah disebutkan".

Hadis yang menceritakan tentang sifat-sifat tercela wanita seperti yang dikeluarkan oleh Ahmad dalam Musnadnya dan al-Imam al-Hakim dalam kitab *al-Mustadrak* nya. Ahmad, Ahmad bin Hanbal al-Shaybani, *Musnad Ahmad*, hadis 21287, Misr: Muassasat Qurtubah, t.th, jil. 5, hlm. 137. r.s al-Hakim al-Naysaburi, *al-Mustadrak ala al-shahihayn*, hadis 8788, Bayrut: Dar al-Kutub al-<sup>o</sup>Ilmiyyah, 1990, jil 4, hlm. 647.

قال رسول الله ﷺ : أكثر من رأيت فيها من النساء ان ائتمن افشين وإن سألن ألحنن وإذا سئلن  
بخلن وإذا أعطين لم يشكرن

Maksudnya:

Penghuni yang paling banyak aku lihat di dalamnya (neraka) adalah dari kalangan wanita yang apabila diberi kepercayaan agar menyimpan rahsia dia membocorkannya, apabila diminta sesuatu daripadanya dia bakhil, apabila dia meminta dia ingin yang terbanyak dan apabila diberi suatu pemberian mereka tidak berterima kasih.

Menurut Abu Shuqqah (2002:273) alternatif atau cara bagi kaum wanita agar dapat menyelamatkan diri mereka dan terhindar dari api neraka adalah melalui pembinaan taqwa dan ketaatan kepada Allah s.w.t serta mengingati pesan dan peringatan baginda s.a.w di samping menjauhi perbuatan menderhaka kepada suami. Wanita dianjurkan agar melakukan amalan salih seperti bersedekah, kerana amalan seumpama ini secara *tafa'ul* akan dapat menyelamatkan jiwa raga mereka dari dijilat azab api neraka kelak.

Selain penerangan di atas, perkara lain yang perlu dipertimbangkan adalah kadar ketegasan teguran Rasulullah s.aw. Ketinggian iman yang dimiliki oleh wanita salehah pada zaman baginda s.a.w menjadikan mereka sering mengingati setiap pesanan tentang hari akhirat, padang mahsyar, titian *sirat*, kenikmatan syurga dan azab neraka. Justeru perkhabaran baginda s.a.w di atas tidak sedikitpun menakutkan mereka malah menguatkan keimanan dalam sanubari. Mereka sering berusaha untuk bertanya kepada baginda s.a.w kenapa dan bagaimana cara mengelakkannya. Situasi ini amat berbeza jika dibandingkan dengan muslimah mutakhir ini. Wanita yang tidak beriman dan solehah, mereka sering alpa dan lalai tentang urusan akhirat sehingga apabila terdengar atau terbaca peringatan Rasulullah s.a.w di atas, mereka segera memalingkannya dan terkadang mengabaikannya.

## HADIS KEDUA: WANITA, KELDAI DAN ANJING PEMUTUS SOLAT

al-Imam Muslim telah mengeluarkan sebuah hadis dalam kitab sahihnya dengan *sanad* dan *matan* sebagaimana berikut:

حَدَّثَنَا إِسْحَاقُ بْنُ إِبْرَاهِيمَ أَخْبَرَنَا الْمَخْزُومِيُّ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْوَاحِدِ - وَهُوَ ابْنُ زِيَادٍ - حَدَّثَنَا عُبَيْدُ اللَّهِ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ حَدَّثَنَا يَزِيدُ عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ -صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ- « يَقْطَعُ الصَّلَاةَ الْمَرْأَةُ وَالْحِمَارُ وَالْكَلْبُ وَيَقِي ذَلِكَ مِثْلُ مُؤَحَّرَةِ الرَّحْلِ »

Maksudnya:

Ishak bin Ibrahim telah berkata kepada kami, al-Makhzumi telah memberitahu kami, Abdul Wahid iaitu bin Ziyad telah berkata kepada kami, Ubaidillah bin Abdullah bin al-Asam telah berkata kepada kami, Yazid telah berkata kepada kami dari Abu Hurayrah bahawasanya berkata: Rasulullah s.a.w telah bersabda, "Solat itu terputus oleh wanita, keldai, dan anjing, dan dan perkara yang mengelakkan pemutusan itu ialah *sutrah* (penghadang) seumpama hujung pelana."

## Takhrij Hadis

Muslim, Muslim bin al-Hajjaj al-Naisaburi, *Sahih Muslim*, Kitab al-Salah, *Bab Qadr Ma Yastur al-Musalli*, hadis 511, *Bayrut: Dar Ihya' al-Turath al-<sup>c</sup>Arabi*, t.th, cet. 4, jil. 1, hlm. 365.

### Analisa Hadis

Berhubung *matn* hadis di atas, <sup>c</sup>A'ishah sudah melakukan penegasan atau pembedaan. <sup>c</sup>Urwah bin Zubayr mengisahkan penjelasan <sup>c</sup>A'ishah ini ketika beliau meriwayatkan hadis dari <sup>c</sup>A'ishah. (Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab al-Salah, Bab al-<sup>c</sup>itirad bayn yadayy al-Musalli, hadis 511, jil. 1, hlm. 366).

عن عُرْوَةَ بْنِ الزُّبَيْرِ قَالَ قَالَتْ عَائِشَةُ مَا يَقْطَعُ الصَّلَاةَ قَالَ فُقُلْنَا الْمَرْأَةَ وَالْحِمَارَ فَقَالَتْ إِنَّ الْمَرْأَةَ لَدَابَّةٌ سَوَاءٌ لَقَدْ رَأَيْتُنِي بَيْنَ يَدَيْ رَسُولِ اللَّهِ ﷺ مُعْتَرِضَةً كَاعْتِرَاضِ الْجِنَاةِ وَهُوَ يُصَلِّي

Maksudnya:

Daripada <sup>c</sup>Urwah bin Zubayr telah meriwayatkan <sup>c</sup>Aishah berkata: "Apa saja yang dapat memutuskan solat seseorang?" Kami menjawab, "Perempuan dan keldai." <sup>c</sup>Aishah berkata, "Jadi, kalau begitu, perempuan adalah binatang buruk. Tahukah kalian bahawa aku pernah berbaring melintang di hadapan Rasulullah s.a.w. seperti melintangnya jenazah dan baginda s.a.w sedang menunaikan solat"?

Dalam riwayat lain seterusnya seperti yang dikemukakan oleh al-Imam Muslim, kritikan <sup>c</sup>Aishah adalah lebih jelas.

عن مَسْرُوقٍ عَنْ عَائِشَةَ ذُكِرَ عِنْدَهَا مَا يَقْطَعُ الصَّلَاةَ الْكَلْبُ وَالْحِمَارُ وَالْمَرْأَةُ فَقَالَتْ **شَبَّهْتُمُونَا بِالْحُمْرِ وَالْكَالِبِ** وَاللَّهِ لَقَدْ رَأَيْتَ النَّبِيَّ ﷺ يُصَلِّي وَإِنِّي عَلَى السَّرِيرِ بَيْنَهُ وَبَيْنَ الْقَبِيلَةِ مُضْطَجِعَةً فَتَبَدُّو لِي الْحَاجَةَ فَأَكْرَهُ أَنْ أَجْلِسَ فَأُوذِيَ النَّبِيُّ ﷺ فَأَنْسَلُ مِنْ عِنْدِ رِجْلَيْهِ

Maksudnya:

Daripada Masruq dari <sup>c</sup>A'ishah dinyatakan bahawa apa sahaja yang memutuskan solat..Anjing, keldai dan wanita. <sup>c</sup>A'ishah berkata, "Kalian telah menyamakan kami dengan keldai dan anjing. Demi Allah, aku telah melihat Rasulullah s.a.w solat dan aku berbaring di atas tempat tidur (katil), kedudukanku adalah di antara baginda dan kiblat". Jika aku berkeinginan sesuatu aku tidak berbuat demikian kerana khawatir akan mengganggu baginda justeru aku hanya melewati baginda namun tidak dihadapan baginda. (Muslim, *Sahih Muslim*, Kitab al-Salah, Bab al-<sup>c</sup>itirad bayn yadayy al-Musalli, hadis 511, jil. 1, hlm. 366).

Justeru, hadis mengenai putusnya solat seseorang lelaki dengan sebab lalunya seorang wanita bukan merupakan kesepakatan di kalangan para ulama. Perbezaan antara hadis riwayat Abu Hurayrah dan hadis <sup>c</sup>Aishah menyebabkan para ulama berbeza pendapat terhadap masalah ini. Sebahagian mereka mengambil hadis Abu Hurayrah manakala sebahagian ulama lain mengambil pendapat <sup>c</sup>Aishah.

Daud Rashid (2006:143) sebagaimana memetik ungkapan al-imam al-Nawawi, al-Nawawi berkata: "Para ulama berbeza pendapat berkenaan hadis ini. Sebahagian mereka berpendapat bahawa salat seseorang akan terputus disebabkan wanita, keldai, dan anjing". Al-Imam Malik, Abu Hanifah, Shafi'i, dan kebanyakan ulama dari kalangan *salaf* dan *khalaf* berpendapat bahawa salat tidak batal kerana melintasnya salah satu dari ketiga faktor di atas ataupun yang lainnya. Mereka mengemukakan pendapat bahawa makna "terputus" dalam hadis adalah kurangnya nilai salat kerana hati diganggu dengan hal ini, dan tidak bermaksud membatalkannya.

Menurut al-Nawawi sebahagian ulama berpendapat bahawa hukum hadis ini dihapuskan dengan hadis lain sabda Rasulullah s.a.w. " Salat seseorang tidak terputus oleh sesuatu hal dan hindarilah sekuat tenaga kalian kerana ia adalah syaitan ". Hal ini tidak dapat diterima kerana *nasakh* hanya dapat diaplikasikan apabila sesuatu hadis tidak dapat dijelaskan atau *dijama'*kan. Tambahan al-Nawawi lagi, sebahagian ulama lain pula berpandangan makruh seseorang salat menghadap wanita dikhuatiri akan menimbulkan fitnah. Perbuatan ini hanya khusus bagi Rasulullah s.a.w kerana salat baginda berlangsung pada malam hari dan dalam suasana gelap dan baginda terhindar dari hal-hal yang mengganggu salatnya.

### **Elemen Tarbiah Berasaskan Maqasid**

Berdasarkan kepada pandangan kebanyakan ulama pengertian "putus" daripada hadis Abu Hurairah di atas tidak bermaksud batalnya solat seseorang, tetapi kurangnya nilai khusyuk dalam salat kerana fikiran terganggu dan terputus hubungannya dengan Allah s.w.t. Hal ini berlaku jika seseorang itu tidak meletakkan penghadang di hadapan dirinya ketika sedang menunaikan salat. Penghadang dapat dilakukan dengan menggunakan medium atau peralatan yang mencapai maksud sebagai penghadang seperti kerusi, bantal, beg, dan sebagainya. Maka seseorang itu hendaklah membuat penghadang apabila dia menunaikan salat supaya tidak diganggu oleh sesuatu yang melintas di hadapannya.

Penggabungan perkataan wanita, keldai dan anjing hitam dalam hadis di atas juga tidak bermaksud bahawa ketiga-tiga hal yang dinyatakan menunjukkan penyamaan taraf atau kedudukan. Penggabungan ini hanyalah kerana ketiga-tiga hal tersebut memiliki kemungkinan mendatangkan gangguan iaitu wanita kerana fitnah dan daya tarikannya terhadap orang yang melakukan salat, keldai kerana kebiasaannya membawa muatan yang banyak dan anjing hitam kerana ia berkemungkinan merupakan jelmaan syaitan. Setiap hal ini boleh mengganggu kesempurnaan salat seseorang. Berdasarkan maksud dan tujuan hadis, seseorang itu hendaklah menghadang dirinya daripada apa sahaja yang boleh mengganggu kesempurnaan solatnya tanpa terbatas kepada tiga faktor yang telah dinyatakan dalam hadis di atas.

### **HADIS KETIGA: WANITA SEBAGAI SUMBER FITNAH**

Al-Imam al-Bukhari telah mengeluarkan sebuah hadis dalam kitab sahihnya dengan *sanad* dan *matan* sebagaimana berikut:

حَدَّثَنَا آدَمُ حَدَّثَنَا شُعْبَةُ عَنْ سُلَيْمَانَ التَّمِيمِيِّ قَالَ سَمِعْتُ أَبَا عُرْمَانَ النَّهْدِيَّ عَنْ أُسَامَةَ بْنِ زَيْدٍ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا -  
- عَنِ النَّبِيِّ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - قَالَ « مَا تَرَكَتُ بَعْدِي فِتْنَةٌ أَضَرَّ عَلَى الرَّجَالِ مِنَ النِّسَاءِ »

Maksudnya:

Adam menceritakan kepada kami, Syu<sup>‘</sup>bah telah menceritakan dari Sulayman al-Taymi bahwa beliau berkata: Aku telah mendengar Abu Uthman al-Nahdi meriwayatkan daripada Usamah bin Zayd sesungguhnya Rasulullah s.a.w telah bersabda, " Aku tidak tinggalkan selepasku (sepeninggalanku) fitnah yang lebih mudarat ke atas kaum lelaki daripada wanita".

### **Takhrij Hadis**

al-Bukhari, Muhammad bin Isma<sup>‘</sup>il al-Ju<sup>‘</sup>fi, *Sahih al-Bukhari*, Bab *Ma Yuttaqa min Shu'm al-Mar'ah wa Qawluhu Ta'ala: Inna min Azwajikum wa Awladikum Aduwwan Lakum*, hadis 4808, jil. 5, hlm. 1959.

### **Analisa Hadis**

Matan hadis di atas menunjukkan bahawa fitnah paling besar yang ditimpakan ke atas kaum lelaki setelah kewafatan baginda S.A.W adalah merupakan fitnah para wanita. Fitnah wanita didahulukan dari fitnah anak, emas perak, kuda peliharaan yang terlatih, binatang ternakan dan kebun-kebun tanaman. Namun tidak bermakna wanita adalah negatif dalam semua aspek kehidupan. Ia jelas tidak bertentangan dengan al-Qur'an bahkan mempunyai makna dan pengertian yang sama sebagaimana termaktub dalam untaian kalam Ilahi.

Firman Allah s.w.t dalam surah ali Imran 3:14:

Maksudnya:

Dihiaskan (dan dijadikan indah) kepada manusia: kesukaan kepada benda-benda yang diinginkan nafsu, iaitu perempuan-perempuan dan anak-pinak; harta benda yang banyak bertimbun-timbun, dari emas dan perak; kuda peliharaan yang bertanda lagi terlatih; dan binatang-binatang ternak serta kebun-kebun tanaman. semuanya itu ialah kesenangan hidup di dunia. dan (ingatlah), pada sisi Allah ada tempat kembali yang sebaik-baiknya (iaitu Syurga).

Taqi al-Din al-Subki mengatakan bahawa maksud hadis ini seiring dengan hadis-hadis Ibn Umar tentang wanita sebagai sumber kesulitan atas sebab-sebab tertentu. Al-Imam al-Bukhari telah menyebutkannya dalam kitab sahih beliau Kitab al-Jihad wa al-Siyar, Bab Ma Yuzkar Min Shu'm al-Mar'ah, hadis 2703, jil. 3 hlm. 1049. Abu al-Yaman telah memberitahu kami, Shu<sup>‘</sup>ayb telah memberitahu kami dari al-Zuhri telah berkata: Salim bin <sup>‘</sup>Abdullah memberitahuku bahawa <sup>‘</sup>Abdullah bin <sup>‘</sup>Umar telah berkata: Aku mendengar Rasulullah s.a.w bersabda, " Sesungguhnya sumber ketidakberuntungan itu disebabkan tiga hal iaitu kuda, wanita dan rumah".

Menurut al-Qaradawi sebagaimana yang dinukil Erman, golongan yang merendahkan wanita sering memahami hadis di atas dengan sebuah pemahaman yang salah. Mereka memahami kata fitnah tersebut dengan beranggapan bahawa kaum wanita itu amat hina dan merupakan azab, ancaman, musibah yang ditimpakan kepada manusia seumpama ditimpa musibah, penyakit, kelaparan dan ketakutan. Mereka alpa kepada satu perkara penting bahawa manusia diuji dengan kenikmatan yang banyak berbanding diuji dengan musibah. Sesungguhnya wanita itu menjadi fitnah tatkala mereka menjadi alat untuk membangkitkan syahwat serta menyalakan api keinginan dalam perasaan kaum lelaki. Hal ini merupakan bahaya yang sangat besar dan dikhuatiri dapat menghancurkan akhlak, mengotori harga diri,



mengundang permasalahan rumahtangga serta lumpuhnya sebuah tamadun dan jatuhnya integriti sesebuah komuniti. (Erman 2003:183)

### Elemen Tarbiah Berasaskan Maqasid

Isi kandungan dari pesanan Rasulullah s.a.w melalui hadis ini tidak bererti kaum wanita itu dianggap ralat dalam semua perkara. Apa yang dimaksudkan oleh Rasulullah s.a.w ialah kaum wanita sememangnya mempunyai pengaruh yang dominan terhadap kaum lelaki yang amat dikhuatiri akan mengakibatkan kaum lelaki lalai dari mengingati Allah s.w.t dan mendapat balasan buruk di akhirat.

Dalam sebuah kehidupan berkeluarga, wanita merupakan teman dan tempat berkasihsayang melalui sebuah perkahwinan yang sah menurut syariat Islam. Meskipun begitu isteri turut berupaya menjadi penyebab mudarat kepada suami apabila si isteri memalingkan suaminya dari mentaati perintah Allah s.w.t atau menggalakkan suaminya melakukan perkara-perkara maksiat dan lalai terhadap perintah Allah, memutuskan silaturrahim, tidak menunaikan zakat dan tidak berjihad di jalan Allah.

Firman Allah s.w.t dalam surah al-Taghabun ayat 15:

Maksudnya:

Sesungguhnya harta benda kamu dan anak-anak kamu itu hanyalah menjadi ujian, dan di sisi Allah s.w.t jualah pahala yang besar.

Dalam hal ini kaum lelaki di kalangan para suami juga turut menjadi sebab kepada mudarat tersebut. Hal ini kerana ia bertitik-tolak dari muamalah, hubungan serta komitmen yang terjalin dari perlakuan keduanya. Sesungguhnya dalam persiapan seorang lelaki melayari alam rumahtangga Rasulullah s.a.w telah memberi panduan agar kehidupan yang bakal dilalui membawa kebahagiaan kepadanya di dunia dan di akhirat.

عن أبي هُرَيْرَةَ رضي الله عنه عن النبي ﷺ قَالَ تُنكِحُ الْمَرْأَةَ لِأَرْبَعٍ لِمَالِهَا وَلِحَسَبِهَا وَجَمَالِهَا وَلِدِينِهَا فَاظْفَرْ بِذَاتِ الدِّينِ تَرِبَتْ يَدَاكَ

Maksudnya:

Abu Hurayrah meriwayatkan dari Rasulullah s.a.w, bahawasanya baginda bersabda, "Seseorang wanita dinikahi atas empat perkara kerana hartanya, nasabnya, kecantikannya dan agamanya. Maka pilihlah agamanya kerana ia akan menjaga dirimu". (*Sahih al-Bukhari*, kitab al-nikah, bab al-ikfa' fi al-din, hadis 4802, jil. 5 hlm. 1958).

Dalam kebanyakan persoalan yang berkaitan dengan hubungan antara kaum lelaki dan kaum wanita sama ada ia mencakupi bidang ibadah atau aspek sosial yang melibatkan pertemuan di antara mereka, para ulama' selalu menjadikan *hadhar* dengan tujuan agar tidak berlaku atau tidak timbul sebarang fitnah iaitu sebarang suasana yang boleh mengganggu atau menggoda hati, perasaan dan fikiran kaum lelaki.

Sebagai contoh, perkara yang bersangkutan dengan urusan saf dalam salat berjemaah. Kedudukan kaum wanita dan kaum lelaki hendaklah terpisah dan kaum wanita hendaklah

berada pada kedudukan belakang saf kaum lelaki. Kaum wanita tidak diwajibkan menunaikan solat Jumaat, dilarang menyampaikan khutbah jumaat atau mengalunkan azan dengan suara yang dapat didengari oleh pendengaran kaum lelaki dan sebagainya. Bahkan mereka lebih dianjurkan agar menunaikan solat di rumah berbanding melakukannya di masjid. (Erman 2003: 183)

Hadis di atas merupakan salah satu pendapat atau pandangan para fuqaha' untuk berpendapat sedemikian. Hal ini disebabkan wujudnya faktor kekhuatiran yang akan mengakibatkan fitnah. Meskipun terdapat mekanisme atau dalam situasi atau ruang tertentu dan dapat dipastikan bahawa kebarangkalian wujudnya fitnah tidak berlaku para ulama fiqh tetap menegah dan menafikan pengal-Imaman seorang wanita. Perkara-perkara yang bersangkutan dengan *'ubudiyyah* hendaklah diterima sebagaimana ianya diperintahkan oleh Allah s.w.t dan RasulNya serta garis panduan agama Islam. Ia bukan merupakan suatu perkara yang sesuai untuk dijawab dengan berasaskan rasional akal secara logik semata-mata apatah lagi menyesuaikan dengan konteks sosial dan arus pemodenan.

Sebagai kesimpulan hadis di atas tidak seharusnya difahami secara literal atau makna zahir. Wanita bukan medium utama kejahatan atau kerugian yang selama-lamanya buat kaum lelaki. Sejumlah srikandi Islam terulung seperti *Ummahat al-Mu'minin* telah terbukti berjaya memberi sumbangan besar kepada kebangkitan agama Islam. Untaian kalam Rasulullah s.a.w adalah merupakan satu peringatan juga gagasan kepada kaum lelaki agar mereka tidak menyalahkan nikmat dan kecenderungan mereka kepada wanita sehingga meleka lalai melaksanakan perintah Allah dan ajaran RasulNya sehingga terjebak dalam perkara-perkara yang diharam dan dilaknat oleh Allah s.w.t.

Firman Allah s.w.t dalam surah al-Taubah ayat 24:

Maksudnya:

Katakanlah (Wahai Muhammad): "Jika bapa-bapa kamu, dan anak-anak kamu, dan saudara-saudara kamu, dan isteri-isteri (atau suami-suami) kamu, dan kaum keluarga kamu, dan harta benda yang kamu usahakan, dan perniagaan yang kamu bimbang akan merosot, dan rumah-rumah tempat tinggal yang kamu sukai, (jika semuanya itu) menjadi perkara-perkara yang kamu cintai lebih daripada Allah dan RasulNya dan (daripada) berjihad untuk agamanya, maka tunggulah sehingga Allah mendatangkan keputusanNya (azab seksaNya); kerana Allah tidak akan memberi petunjuk kepada orang-orang yang fasik (derhaka).

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan analisa melalui ketiga-tiga contoh hadis yang di atas kajian menarik kesimpulan bahawa interaksi terhadap sunnah berasaskan maqasid adalah suatu pendekatan ilmu yang mengintegrasikan antara pembacaan nas syariat dan pengamatan realiti. Selain itu kefahaman yang sahih terhadap maksud hadis berasaskan maqasid dapat mengelakkan seseorang dari batasan terjemahan secara literal (harfiah) dan terpengaruh dengan fahaman liberal serta pandangan aktivis feminisme yang jauh tersasar dari maksud hadis yang sebenar.

## **RUJUKAN**

Al-Quran al-Karim.

Ahmad al-Raysuni. 1992. *Nazariyyat al-Maqasid Ind al-Syatibi*. Al-Maahad al-Islami li al-Fikr al-Islami. Cet. 1

Alal al-Fasi. T.th. *Maqasid al-Syariah wa Ahkamuha*.

Al-Shaybani, Ahmad bin Hanbal. 1990M. *Musnad Ahmad*, Misr: Muassasah Qurtubah.

al-Bukhari, Abu ʿAbdullah Muhammad bin Ismaʿil al-Juʿfi. 1981M. *Sahih al-Bukhari*.  
Bayrut: Dar al-Fikr: al-Matbaʿah al-Nishr.

al-Nawawi, Abu Zakariya Yahya ibn Syaraf Al-Dimashqi 1987M. *Sahih Muslim bi sharh al-Nawawi*. Misr: al-Matbaʿah al-Misriyyah wa Maktabatuha.

Daud Rasyid. 2006. *Sunnah di bawah ancaman*. Bandung: al-Shamil.

Erman. 2003. *Hadith-hadith misoginis dalam sahih bukhari: studi terhadap kualitas hadih dan pemahamannya*. Tesis Pasca Sarjana . Riau:Pekan Baru.

al-Hakim, Muhammad bin ʿAbdullah al-Naisaburi, 1990M. *al-Mustadrak ʿala al-sahihain*,  
Bayrut: Dar al-Kutub al-ʿIlmiyyah.

Ibn Asyur. T.th. *Maqasid al-Syariah al-Islamiyyah*

Ibn Hajar. 2003. Ahmad bin ʿAli al-ʿAsqalani, *Fath al-bari sharh sahih al-Bukhari*. Bayrut:  
Dar al-Maʿrifah.

Al-ʿUthaimin, Muhammad bin Saleh. 1426H. *Fatawa arkan al-Islam*. ptrj. Munir al-ʿAbidin.  
Dar al-Falah.